

31 JUL 1996

Mugabe

PRESIDEN ZIMBABWE BERLEPAS PULANG

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Presiden Zimbabwe Robert Mugabe dan rombongannya berlepas pulang hari ini, selepas menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi Kedua mengenai Perkongsian Bijak.

Yang turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah untuk mengucapkan "Selamat Jalan" kepadanya ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Pemimpin Afrika itu tiba di sini Isnin lepas untuk menghadiri dialog tiga hari itu, yang tamat di Langkawi hari ini.

Beliau diiringi oleh Menteri Pengangkutan, Simon B.Moyo dan Menteri Kewangan, Murerwa.

Semasa berada di Langkawi, Mugabe mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir serta mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin korporat lain.

Terdahulu, ketika bercakap kepada pemberita di lapangan terbang SAAS itu, Dr Mahathir berkata Malaysia dan Zimbabwe bekerjasama dalam pelbagai bidang seperti pengangkutan, penjana kuasa, hubungan udara dan pembangunan perindustrian.

Mugabe pula berkata bahawa Zimbabwe mengharapkan kerjasama Malaysia dalam bidang tenaga terutama dalam membantunya menubuhkan loji haba.

Mengenai kerjasama pembangunan perindustrian, beliau berkata pada masa ini negara itu bekerjasama dengan Bandar Sunway Berhad untuk membangunkan taman perindustrian di Zimbabwe.

Ketika ditanya mengenai program Perkongsian Bijak, Mugabe berkata program seumpama itu sangat penting bagi sektor awam dan swasta dan beliau berpendapat, Zimbabwe boleh mempelajari banyak perkara daripada program itu.

"Kami akan terus menghantar menteri-menteri dan para pegawai kami ke Malaysia dan Kuala Lumpur juga boleh menghantar pakar-pakarnya bagi bertukar-tukar idea demi faedah bersama kedua-dua negara," katanya. --

BERNAMA

RV NAK